

D653

U B358 AAB
PARLIMEN-DADAH

KUALA LUMPUR, 6 JULAI (BERNAMA) -- KERAJAAN SEDANG MEMPERTIMBANGKAN KEMUNGKINAN MENAMBAH PERUNTUKAN BAGI USAHA-USAHA MEMERANGI PENYALAHGUNAAN NAJIS DADAH DI NEGARA INI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN SEMASA MENJAWAB SOALAN TAMBAHAN DARIPADA ENCIK SHAHIDAN KASSIM (BN-ARAU) YANG MEMINTA PENJELASAN BELIAU SAMA ADA KERAJAAN BERCADANG MENAMBAH PERUNTUKAN KEPADA BADAN-BADAN YANG AKTIF MEMERANGI PENYALAHGUNAAN NAJIS DADAH DI NEGARA INI SEPERTI PEMADAM.

INI, MENURUT ENCIK SHAHIDAN, SELARAS DENGAN SERUAN PERDANA MENTERI SENDIRI DI PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENAGIHAN DAN PENGEDARAN HARAM DADAH DI VIENNA SUPAYA NEGARA-NEGARA MENAMBAH PERUNTUKAN BAGI MEMPERGIATKAN LAGI KEMPEN MEMERANGI NAJIS DADAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SEDANG MEMPERTIMBANGKAN PERUNTUKAN MEMERANGI NAJIS DADAH DI NEGARA INI PADA KESELURUHANNYA.

KEPADA SOALAN ENCIK LEE LAM THYE (DAP-BUKIT BINTANG) BAGAIMANA NEGARA AKAN MELAKSANAKAN CADANGAN YANG TERKANDUNG DALAM DOKUMEN GARISPANDUAN KOMPREHENSIF DAN PELBAGAI DISIPLIN BAGI TINDAKAN MASA DEPAN UNTUK MENGAWAL PENAGIHAN DADAH PERSIDANGAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA KEBANYAKAN CADANGAN ITU DIKEMUKAKAN OLEH MALAYSIA. - LAGI.

1643MST 06 07 87

D659

U B364 AAB
PARLIMEN - DADAH 2 KUALA LUMPUR

BANYAK DARIPADA CADANGAN ITU TELAH PUN DIUSAHAKAN OLEH MALAYSIA, KATANYA.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA, TINDAKAN-TINDAKAN SELANJUTNYA MEMERANGI MASALAH DADAH ITU AKAN TERUS DILAKSANAKAN SAMA ADA DALAM NEGARA, ATAU YANG MELIBATKAN KERJASAMA NEGARA JIRAN DAN ANTARABANGSA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGHARAPKAN SEKURANG-KURANGNYA SEBAHAGIAN BESAR DARIPADA 138 NEGARA YANG MENYERTAI PERSIDANGAN ITU BENAR-BENAR MEMPUNYAI KOMITMEN POLITIK UNTUK MEMBANTERAS MASALAH DADAH INI.

KATANYA SEMEMANGNYA SUKAR UNTUK MENENTUKAN SAMA ADA KOMITMEN POLITIK ITU BENAR-BENAR WUJUD, TETAPI DARI JUMLAH KEHADIRAN YANG TERTINGGI YANG DICAPAI OLEH PERSIDANGAN ITU, MENUNJUKKAN KOMITMEN SEDEMIKIAN DAPAT DITINGKATKAN.

SEMASA MENJAWAB SOALAN ASAL ENCIK ABDUL RAHMAN BAKAR (BN-MARANG), BELIAU BERKATA KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH PERSIDANGAN ITU MERUPAKAN JUGA KEJAYAAN BAGI MALAYSIA DAN ASEAN. - LAGI.

1654MST 06 07 87

D663

U B366 AAB
PARLIMEN - DADAH 3 KUALA LUMPUR

INI KERANA MALAYSIA DAN NEGARA-NEGARA ASEAN ADALAH PENGASAS UTAMA DALAM ISU DADAH DAN SERING MENEKANKAN PERLUNYA DIADAKAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAINYA, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MASYARAKAT ANTARABANGSA BUKAN SAHAJA MEMBERI PENGIKTIRAFAN KEPADA MALAYSIA DENGAN MELANTIKNYA SEBAGAI PENGURUSI PERSIDANGAN, TETAPI PENGHORMATAN JUGA DIBERI APABILA PERSIDANGAN ITU MENERIMA CADANGAN MALAYSIA SUPAYA SATU DEKLARASI DIKELUARKAN OLEH PERSIDANGAN.

BELIAU BERKATA PENYERTAAN BANYAK NEGARA DALAM PERSIDANGAN ITU, MENUNJUKKAN PENERIMAAN ANTARABANGSA ATAS BAHAYANYA NAJIS DADAH SEKIRA IANYA TIDAK DIKAWAL.

PENERIMAAN NEGARA-NEGARA DUNIA ITU ADALAH PENTING KERANA SESEBUAH NEGARA PASTI TIDAK AKAN BERJAYA SERATUS PERATUS MEMBANTERAS DADAH TANPA SOKONGAN DAN BANTUAN NEGARA-NEGARA LAIN, TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR.

BELIAU BERHARAP KEJAYAAN DI VIENNA AKAN MEMBANTU USAHA-USAHA YANG SEDANG DAN AKAN DIJALANKAN OLEH MALAYSIA KE ARAH MEMBASMI WABAK DADAH DI NEGARA INI. - LAGI.

1701MST 06 07 87

U B373 AAB
PARLIMEN-DADAH 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENJELASKAN PERSIDANGAN ITU MENGHASILKAN DUA DOKUMEN SUBSTENTIF IAITU DOKUMEN GARISPANDUAN KOMPREHENSIF DAN PELBAGAI DISIPLIN BAGI TINDAKAN MASA DEPAN UNTUK MENGAWAL PENAGIHAN DADAH (CMO) DAN DEKLARASI PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI DADAH.

MENURUTNYA CMO TELAH DITERIMA OLEH MASYARAKAT ANTARABANGSA SEBAGAI PANDUAN MENGENAI TINDAKAN-TINDAKAN YANG PERLU DAN BOLEH DIAMBIL BAGI MEMBANTERAS MASALAH PENAGIHAN DAN PENGEDARAN NAJIS DADAH.

WALAUPUN IANYA BUKAN SATU PERJANJIAN ATAU SATU PERSETUJUAN, IANYA MERUPAKAN PENERIMAAN OLEH MASYARAKAT ANTARABANGSA BAHAWA DADAH MESTI DIPERANGI DAN CARA-CARA MEMERANGINYA ADALAH MENERUSI KAEDAH-KAEDAH YANG DIMUATKAN DALAM CMO, KATANYA.

MANAKALA DEKLARASI ITU PULA BERTUJUAN MENDAPATKAN KOMITMEN POLITIK SEMUA NEGARA YANG MENGAMBIL BAHAGIAN UNTUK BERJUANG HABIS-HABISAN MENENTANG PENAGIHAN DAN PENGEDARAN NAJIS DADAH.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA YANG HADIR TELAH MENYATAKAN KESEDIAAN MEREKA UNTUK BERTINDAK BERSAMA DI PERINGKAT KEBANGSAAN, ANTARA RANTAU DAN ANTARABANGSA.

TINDAKAN INI TERMASUK MENYOKONG DAN MENYERTAI SEMUA KONVENSYEN BANGSA-BANGSA BERSATU MENGENAI DADAH SERTA MEMBANTU BADAN-BADAN BANGSA-BANGSA BERSATU YANG BERKENAAN DALAM USAHA INI DAN MENGIKTIRAF PERANAN BADAN-BADAN BUKAN KERAJAAN. -- BERNAMA

1719MST 06 07 87